

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria profesional atau ijazah sarjana tertentu untuk melantik Penasihat Khas Bertaraf Menteri kepada Perdana Menteri, serta adakah penasihat khas ini diperuntukan dengan elaun untuk membantu rakyat.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penasihat Khas Bertaraf Menteri adalah individu-individu yang dilantik dalam kalangan mereka yang mempunyai jaringan hubungan, pengalaman dan kepakaran tertentu dalam hal-hal berkaitan dengan skop tugas yang boleh memberi faedah kepada usaha-usaha memajukan kepentingan negara. Tiada pengkhususan ijazah sarjana ditetapkan sebagai syarat perlantikan ke jawatan tersebut.

2. Dalam hal ini, taraf Menteri yang diberikan (sekiranya ada) adalah secara pentadbiran. Ia merupakan penghormatan kepada jawatan tersebut dan tidak sama dengan taraf Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 43(2)(b) Perlembagaan Persekutuan. Penasihat Khas juga tidak disediakan elaun yang dikhususkan untuk membantu rakyat.

Sekian, terima kasih.